

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN  
MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2019**

**SOALAN**

**DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tentang langkah-langkah dan peranan yang perlu diambil pemain industri bagi mempersiapkan negara dalam mendepani Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Industry4WRD merupakan satu dasar negara untuk transformasi sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan bagi tempoh 2018 hingga 2025. Dasar ini mengandungi tiga visi iaitu untuk menjadikan Malaysia sebagai:

- rakan strategik untuk pembuatan pintar dan perkhidmatan berkaitan di Asia Pasifik;
- destinasi utama untuk pelaburan industri berteknologi tinggi; dan
- penyedia penyelesaian menyeluruh (*total solutions provider*) untuk teknologi termaju.

## NO SOALAN : 4

2. Dunia kini di ambang Revolusi Industri 4.0 dan bagi menjamin Malaysia tidak ketinggalan dan terus menjurus ke arah negara maju, penglibatan pemain industri adalah penting dalam mengadaptasi industri 4.0 dalam aktiviti perkilangan atau perkhidmatan mereka.

3. Sektor pembuatan yang kukuh akan memberi laluan kepada meningkatkan produktiviti, mewujudkan peluang pekerjaan, keupayaan inovasi, kumpulan tenaga kerja berkemahiran tinggi, kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

4. Kerajaan juga sedar bahawa syarikat pembuatan di Malaysia merupakan 90% di kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Dalam merangka Dasar Kebangsaan mengenai Industri 4.0 yang dikenali sebagai Industry4WRD, kerajaan telah memperkenalkan program Penilaian Kesediaan (*Readiness Assessment*). Program ini akan membantu PKS untuk mengukur jurang dan kesediaan mereka dari segi sumber tenaga, proses dan teknologi. Laporan dari program Penilaian Kesediaan ini dapat membantu PKS untuk merangka halatuju dan penyesuaian mereka dengan teknologi Industri 4.0.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Penggunaan teknologi Industri 4.0 dapat mengatasi masalah kebergantungan terhadap sumber tenaga yang kurang berkemahiran secara signifikan dan mengubah masa depan dunia pekerjaan. Oleh itu, syarikat perlu menyediakan latihan melalui program peningkatan kemahiran dan melatih semula ("*upskilling & reskilling*") agar tenaga kerja sediaada kekal relevan serta terus memberi sumbangan kepada ekonomi negara. Oleh itu, sistem pendidikan di Malaysia memainkan peranan yang penting bagi menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi, kreatif dan inovatif bagi memenuhi permintaan industri.

6. Syarikat juga boleh menaiktaraf kilang-kilang sediaada menjadi kilang yang lebih pintar menerusi aplikasi alat yang digunakan bagi inisiatif

## NO SOALAN : 4

Industri 4.0 seperti pendigitalan dan *Internet of Things* (IOT). Kilang-kilang pintar akan meningkatkan produktiviti melalui penambahbaik pengurusan tenaga, menganalisa prediktif penyelenggaraan, melaksanakan semakan inventori, meminimakan masa ketergendalaan dan melaksanakan *integrated remote operation*. Kilang-kilang pintar akan menjadi lebih responsif terhadap permintaan pengguna dan beroperasi dalam keadaan yang lebih kos berkesan dengan memanfaatkan pemusatan teknologi seperti *big data analytic, cloud solutions, embedded system*, mobiliti dan kesalinghubungan rangkaian.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Kerajaan amat prihatin dan telah menyediakan beberapa insentif dalam membantu PKS. Syarikat perlu bijak memanfaatkan insentif-insentif yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi mempersiapkan syarikat dalam mendepani Revolusi Perindustrian 4.0 supaya kekal kompetitif di peringkat global. Di antara insentif khusus yang diperkenalkan adalah :

- I. Peruntukkan sebanyak RM210 juta bagi tahun 2019 hingga 2021 untuk menggalakkan peralihan kepada Industri 4.0. Perbadanan Produktiviti Malaysia akan menjalankan program penilaian kesedian (*Readiness Assessment*) untuk membantu 500 buah syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) beralih kepada teknologi Industri 4.0;
- II. Peruntukkan sebanyak RM2 bilion akan disediakan di bawah Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) di mana Kerajaan akan memberikan jaminan pembiayaan sehingga 70% bagi menggalakkan PKS membuat pelaburan dalam automasi dan pemodenan yang merupakan komponen Industri 4.0;
- III. Menyediakan Dana Transformasi Pendigitalan Industri (*Industry Digitalisation Transformation Fund*) dengan saiz dana RM3 bilion dengan insentif subsidi kadar faedah 2% melalui Bank

## NO SOALAN : 4

Pembangunan Malaysia Berhad. Dana ini bertujuan merancang industri untuk menerap teknologi pintar merangkumi robotik dan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*);

- IV. MIDA melalui Dana Impak Tinggi (High Impact Fund) akan terus menyediakan geran padanan untuk menggalakkan inisiatif Industri 4.0. Ini akan merangkumi aktiviti seperti R&D, penerimaan sijil dan piawaian antarabangsa, serta pemodenan fasiliti dan peralatan dengan teknologi yang terkini; dan
- V. Galakan cukai pendapatan (potongan cukai dua kali) bagi pembangunan modal insan.

8. MITI bersama-sama dengan pihak agensi dan juga persatuan syarikat pembuatan akan terus berganding bahu meneruskan usaha mempromosi program RA dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan beralih ke Industri 4.0 ke seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Perjanjian dana antara MITI dan MIDA telah ditandatangani pada 20 November 2019 (status terkini : Penurunan Kuasa dari Pejabat YBM belum selesai). Permohonan adalah terbuka kepada syarikat yang telah menerima laporan RA. Setakat ini, sebanyak 26 laporan RA telah diluluskan dan hantar kepada syarikat untuk permohonan dana melalui MIDA.

10. Sebanyak 135 RA telah dilaksanakan di premis syarikat. Setakat 29 November 2019, sebanyak 810 permohonan telah diterima dan disahkan. Manakala 472 PKS telah disaring dan didapati 421 PKS yang layak dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal. Sebanyak 51 syarikat akan diangkat untuk kelulusan Jawatankuasa Teknikal yang seterusnya.

## NO SOALAN : 4

11. MIDA melalui Dana Impak Tinggi (*High Impact Fund*) dan Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) akan terus menyediakan geran padanan untuk menggalakkan inisiatif Industri 4.0. Ini akan merangkumi aktiviti seperti R&D, penerimaan sijil dan piawaian antarabangsa, serta pemodenan fasiliti dan peralatan dengan teknologi yang terkini.

12. Penilaian kriteria RA adalah sama untuk MNC dan PKS. RA yang dibiayai oleh kerajaan adalah terbuka kepada semua PKS seperti syarat-syarat berikut:

- Sektor Perkilangan – perolehan jualan antara RM 300,000 dan tidak melebihi RM 50 Juta dan/atau pekerja dari 5 orang dan tidak melebihi daripada 200 orang.
- Sektor perkhidmatan yang berkaitan dengan pembuatan (dengan izin Manufacturing related services) – Perolehan jualan dari RM 300,000 dan tidak melebihi RM 20 juta dan/atau pekerja dari 5 orang dan tidak melebihi daripada 75 orang.
- Potongan cukai boleh dinikmati oleh semua syarikat termasuk MNC dan PKS mahupun syarikat yang menyertai RA dengan perbelanjaan sendiri tanpa dibiayai oleh kerajaan.

13. Dengan sokongan dan bantuan daripada semua pihak, aspirasi Kerajaan untuk membangunkan industri ke arah Industri 4.0 akan menjadi kenyataan.

Sekian, terima kasih.